

# ANTIBIOTIK-ANTIBIOTIK

Co-trimoxazole  
Dapsone  
Pyrimethamine  
Trimethoprim



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



## MENGENAL ubat anda

Co-trimoxazole, Dapsone, Pyrimethamine dan Trimethoprim adalah antibiotik-antibiotik. Mereka digunakan untuk mencegah atau merawat jangkitan-jangkitan bacteria.

## BAGAIMANA saya mengambil ubat?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan keterukan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Ubat-ubat ini boleh diambil dalam perut kosong. Jika ini menyebabkan ketidakselesaan perut anda, maka mengambil ubat-ubat ini dengan makanan. Ambil setiap dos dengan satu gelas air penuh.

Ambil semua ubat yang telah dipreskripsikan untuk anda walaupun anda mula berasa keadaan bertambah baik selepas beberapa hari. Simptom-simptom anda mungkin mula bertambah baik sebelum jangkitan dirawat dengan sepenuhnya.

## Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk memeriksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Gangguan gastrousus seperti mual, muntah dan ruam adalah kesan-kesan sampingan yang paling biasa. Periksa dengan doktor anda dengan segera jika ruam atau kegatalan kulit berlaku.

Kesan-kesan sampingan lain yang kurang biasa termasuk darah di dalam air kencing/ atau najis atau pendarahan gusi. Pengupasan kulit atau cirit-birit yang berlarutan dengan atau tanpa demam mungkin juga boleh berlaku. Kesan-kesan sampingan yang kurang biasa ini memerlukan rawatan yang segera.

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan kulit anda menjadi lebih sensitif terhadap cahaya matahari. Pendedahan terhadap cahaya matahari mungkin menyebabkan ruam kulit, kegatalan atau kemerahan kulit atau selaran matahari yang teruk. Gunakan penghalang/penapis cahaya matahari dengan factor perlindungan kulit (SPF) sekurang-kurangnya 15 dan elak pendedahan cahaya matahari langsung, terutamanya waktu di antara 10am hingga 3 pm.

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda sedang mengambil sesetengah ubat, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.
- anda alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika anda berlakunya alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.
- jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.
- anda menghadapi penyakit-penyakit seperti anemia, penyakit hati, penyakit buah pinggang, sawan, atau jika anda mempunyai kekurangan G6PD. Keadaan-keadaan ini mungkin meningkatkan peluang mendapatkan kesan-kesan sampingan.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat-ubat anda di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.